

15/08/2003

RM5j majukan Desa Wawasan

Md Fuzi Abd Lateh

KUALA KUBU BHARU: Kementerian Pembangunan Luar Bandar memperuntukkan lebih RM5 juta untuk memajukan desa berpotensi di Selangor pada tahun ini.

Timbalan Menterinya, Datuk G Palanivel berkata, untuk akan digunakan sepenuhnya bagi menggerakkan pelaksanaan Desa Wawasan sehingga mencapai kejayaan.

Katanya, ia selaras usaha menggalakkan pertumbuhan pesat industri desa yang dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, iaitu dengan penekanan satu industri satu kampung.

"Melalui program ini, penduduk dapat meningkatkan inisiatif, kerjasama serta pembabitan aktif dalam kampung mereka bagi tujuan menambah pendapatan masing-masing.

"Kementerian sedia menyalurkan keperluan dan kepakaran diperlukan untuk membantu penduduk memperluaskan kegiatan pertanian, penternakan dan perniagaan.

"Kerjasama agensi kerajaan lain seperti Felda, Felcra, Mardi, Risda dan agensi di bawah kementerian ini sedia diwujudkan untuk tujuan sama," katanya selepas melancarkan Gerakan Desa Wawasan di Kampung Fajar, Sungai Tengi Selatan, dekat sini, baru-baru ini.

Lebih 500 penduduk dan tetamu menjayakan program sehari yang turut dihadiri Pengarah Kemas Selangor, Shahrul Nizam Jantan dan Penyelia Kemas Hulu Selangor, Hanifah Abd Latif .

Palanivel yang juga Ahli Parlimen Hulu Selangor, berkata penggunaan sumber di persekitaran kampung akan mengurangkan kos dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) perlu bijak memanfaatkannya sebaik mungkin.

Beliau berkata, kementerian berhasrat membantu penduduk kampung mendapatkan bantuan mencukupi untuk memajukan projek melalui saluran tabung Projek Luar Bandar.

Bagi tujuan itu, penduduk perlu menghubungi kementerian dan pejabat berhampiran bagi mengisi borang dan mendapatkan khidmat nasihat.